

PENGERUSI Yayasan Felda, Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Noor menyerahkan geran sumbangan geran penyelidikan dan mesin dialisis kepada wakil enam buah institusi pengajian tinggi dan lima buah hospital di Kuala Lumpur semalam.

Sebanyak RM2.22 juta telah disumbangkan kepada universiti-universiti tempatan untuk tujuan penyelidikan bagi menghasilkan penemuan baru dalam bidang pertanian.

Universiti tersebut ialah Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti of Nottingham (Kampus Malaysia) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Beliau juga turut menyerahkan mesin



MOHD. Yusof Noor (enam dari kiri) bersama wakil lima buah hospital dan institusi pengajian tinggi selepas menyerahkan mesin dialisis serta geran penyelidikan di Kuala Lumpur, semalam.

- Gambar HALIM KHALID

dialisis kepada lima buah hospital kerajaan bagi merawat bilangan pesakit yang bertambah dan

menggantikan mesin yang rosak. Hospital tersebut ialah Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru;

Hospital Sultan Abd. Halim Sungai Petani di Kedah; Hospital Kuala Lipis dan Hospital Sultan Haji Ahmad

Shah Temerloh di Pahang serta Hospital Tuanku Ampuan Najihah Kuala Pilah, Negeri Sembilan.